



Ketua Setiausaha
(Secretary General)

Kementerian Pelajaran Malaysia
(Ministry of Education Malaysia)
Aras 8, Blok E8,
Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88846069
Fax : 03-88885124
Website : <http://www.moe.gov.my>

Ruj. Kami.: KP(BPPDP) 607/037
Tarikh : 8 April 2010

SEPERTI DI LAMPIRAN 1

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

MEMOHON KOLEKSI BAHAN / ARTIFAK YANG BERKAITAN DENGAN SEJARAH DAN PERKEMBANGAN PENDIDIKAN NEGARA SECARA PERCUMA DERMA UNTUK DISIMPAN DI MUZIUM PELAJARAN NASIONAL



Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam usaha untuk menubuhkan Muzium Pelajaran Nasional untuk melestarikan khazanah warisan pendidikan negara selaras dengan cita-cita KPM bagi memartabatkan Sistem Pendidikan Kebangsaan ke tahap yang membanggakan. Institusi ini juga adalah sebagai wadah utama serta tunggak dan gedung rujukan terulung merakamkan perubahan dan kesinambungan pendidikan negara.

3. Sehubungan itu, pihak KPM memohon kerjasama pihak Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk merealisasikan projek ini dengan menghebahkan tujuan murni KPM ke institusi-institusi pelajaran dan masyarakat tempatan, supaya mereka berminat untuk mendermakan bahan/artifak kepada Muzium Pelajaran Nasional.

4. Untuk tujuan ini, Kementerian Pelajaran mengalu-alukan orang persaoangan yang ingin menderma artifak atau dokumen (asli atau salinan) mengikut kriteria yang dicadangkan. Antaranya:

- i. Bahan yang berkaitan secara langsung dan tidak langsung dengan pendidikan dan mempunyai nilai sejarah;
- ii. Bahan yang bersifat autentik, unik, ganjil dan mempunyai nilai pendidikan;
- iii. Bahan yang sukar diperoleh tetapi berkaitan dengan pendidikan negara;
- iv. Bahan yang bernilai untuk dipamerkan;

Perhatian	
PPD	
KU P Sekolah	
KU P Akademik	
KU P Kemanususiaan	
KU P Islam/Moral	
KU Pem. Bekalan	
KU Makluma/ICT	
Peg. Kaunseling	

ed Masood
17/6
A

- v. Bahan yang boleh digunakan untuk penyelidikan berkaitan pendidikan di Malaysia; dan
- vi. Bahan tersebut dalam keadaan baik dan tahan lama. Bahan yang tidak berkeadaan baik tetapi boleh dibaik pulih juga diterima.

Pihak Kementerian Pelajaran juga mengalu-alukan sumbangan pelbagai bentuk koleksi yang telah dikenalpasti, antaranya

- i. Fotografi – gambar, negatif gambar, slide, piring hitam, dan lain-lain;
- ii. Koleksi Arkib – dokumen, nota, surat, sijil, manuskrip, transkrip, bahan terbitan bercetak, pelan, peta dan lain-lain, sama ada dalam bentuk asli, cetakan semula dan replica;
- iii. Audio Visual – pita video, kaset, cakera padat (analog atau digital), filem dan lain-lain;
- iv. Peralatan Mengajar – mesin, replika artifak bahan, kalam, papan batu, buku catatan mengajar, jadual kedatangan murid dan guru dan lain-lain;
- v. Tekstil – pakaian seragam murid, guru, pasukan beruniform seperti anak serigala, bulan sabit, pasukan bola, bola jaring, sepak raga jaring dan lain-lain;
- vi. Objek Tampak – model/prop, objek 3 dimensi dan lukisan; dan
- vii. Arkeologi (carigali) dan etnografi yang berkaitan dengan pendidikan di Malaysia.

5. Jika pihak Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan mempunyai sebarang pertanyaan atau bahan/artifak untuk didermakan sila berhubung dengan Pn. Khalijah bt. Mohammad di talian 03 8884 6522/6031/6436/6029 atau tulis ke alamat berikut:

Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 1-4, Blok E8, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

6. Kerjasama dan tindakan sewajarnya daripada pihak Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



TAN SRI DR. ZULKURNAIN B. HJ. AWANG
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

Salinan Kepada:

- i. Y.B. Menteri Pelajaran Malaysia
- ii. Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran
- iii. Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran
- iv. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, KPM
- v. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
- vi. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
- vii. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Sektor Operasi Pendidikan)
- viii. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
- ix. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan)

LAMPIRAN 1.

Bil.	Nama/alamat	Bil.	Nama/alamat
1.	Pegawai Pelajaran Daerah Pejabat Pelajaran Daerah Melaka Tengah Leboh Air Keroh 75450 Air Keroh Melaka	2.	Pegawai Pelajaran Daerah Pejabat Pelajaran Daerah Alor Gajah 78000 Alor Gajah Melaka
3.	Pegawai Pelajaran Daerah Pejabat Pelajaran Daerah Jasin 77000 Jasin Melaka		

